

Tabung Pendidikan Jamin Masa Depan Anak

BH, 1 Oktober 2015

Kos pendidikan di negara ini meningkat saban tahun, sayangnya sebahagian besar ibu bapa di negara ini tidak mengetahui kos sebenar yang perlu ditanggung apabila anak-anak mereka memulakan pengajian selepas sekolah menengah.

Kajian oleh HSBC baru-baru ini yang bertajuk '*Learning for Life*' di 16 negara membabitkan 5,500 ibu bapa menunjukkan hanya 33 peratus daripada ibu bapa di Malaysia yang ketika ini mempunyai anak di sekolah rendah, menyedari bahawa mereka perlu meminjam untuk membiayai kos pendidikan pengajian tinggi anak-anak mereka pada masa depan.

Hal ini agak mengejutkan kerana sejak beberapa tahun lalu, sebahagian besar daripada penuntut universiti perlu meminjam terutamanya daripada PTPTN untuk membiayai pengajian mereka.

Justeru kesedaran sepatutnya sudah semakin meningkat di kalangan ibu bapa bahawa mereka tidak mempunyai pilihan lain, selain membina tabung pendidikan demi mengurangkan bebanan anak-anak yang melanjutkan pengajian pada masa depan.

Ini lebih-lebih lagi apabila kos pendidikan negara diunjur terus meningkat pada kadar minimum 4 peratus setahun kerana inflasi dan usaha menambahbaik mutu pendidikan serta perkhidmatan institusi pengajian tinggi tempatan.

Kos Pengajian

Ini bermakna, sekiranya kos untuk melanjutkan pengajian dalam bidang perakaunan di IPTS tempatan hari ini ialah RM38,000, ia mungkin mencecah RM84,000 dalam tempoh 20 tahun akan datang.

Jadi, sekiranya anak anda yang berusia satu tahun hari ini tidak menerima biasiswa apabila melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda kelak, mereka mungkin memulakan kehidupan bekerjaya dengan hutang sebanyak RM84,000 dalam poket yang perlu dibayar sebaik menamatkan pengajian.

Berapa agaknya jumlah bayaran bulanan yang perlu mereka bayar untuk pinjaman berkenaan? Jika berdasarkan kadar faedah 1 peratus yang dicaj oleh PTPTN, mereka dianggarkan perlu membayar kira-kira RM500 sebulan untuk tempoh 15 tahun untuk melangsaikannya.

Katakan pada masa depan, gaji lepasan ijazah baharu ialah RM3,500 sebulan, anak-anak anda perlu mengetepikan kira-kira 14 peratus daripada gaji bulanan mereka untuk membayar hutang pendidikan mereka.

Anda juga mungkin terpaksa terus bekerja selepas bersara atau menggunakan wang tabungan pencen untuk membiayai pendidikan anak-anak anda demi melihat mereka menggenggam segulung ijawah.

Bina tabung pendidikan seawal usia enam bulan

Justeru, bagaimana ibu bapa boleh membantu anak-anak dan pada masa sama mengurangkan bebanan kos pendidikan di bahu mereka pada masa depan? Cara terbaik ialah membina tabung pendidikan untuk anak-anak seawal usia mereka enam bulan atau setahun.

Sekiranya anda mula menabung pada sambutan hari jadi mereka yang pertama, anda mempunyai tempoh 18 tahun sebelum mereka memulakan pengajian di peringkat tinggi.

Katakan anda melabur RM100 sebulan dalam instrumen pelaburan yang memberi pulangan 7 peratus setahun, anak akan memiliki tabung pendidikan berjumlah RM43,000 apabila mereka berusia 19 tahun.

Jumlah tabungan ini adalah hampir separuh daripada jumlah RM84,000 yang diperlukan untuk membiayai pendidikan pengajian mereka sekiranya mereka memilih jurusan perakaunan.

Syarat untuk menjadikan tabungan pendidikan ini satu kenyataan juga sebenarnya amat mudah. Anda hanya perlu melabur secara konsisten setiap bulan, mengekalkan modal asal dan tidak mengeluarkan dividen tahunan yang diterima.

Kaedah potongan gaji (SPG)

Seorang penasihat pelaburan mencadangkan kaedah pelaburan seperti potongan gaji setiap bulan kerana dengan cara ini pelabur tidak perlu lagi menguruskan pelaburan mereka secara manual.

“Setiap bulan, pelaburan dilakukan secara automatik dan selepas beberapa tempoh, pelabur mungkin ‘terlupa’ mereka pernah membuat komitmen berkenaan, dan ini merupakan rahsia utama kejayaan dalam membina tabungan,” katanya.

Beliau berkata, institusi pelaburan seperti Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) menawarkan kaedah pelaburan ini secara percuma untuk pelaburan dalam ASB dan AS1M.

Potongan Gaji

Mereka yang bekerja dengan syarikat swasta boleh menggunakan kemudahan ini sekiranya majikan mereka sudah berdaftar dengan ASNB manakala untuk kakitangan swasta, potongan gaji boleh dibuat menerusi Jabatan Akauntan Negara.

“Kedua-dua akaun pelaburan ini merupakan pilihan tepat untuk pelaburan jangka panjang kerana ia berharga tetap dan berisiko rendah namun berupaya memberi pulangan kompetitif sekitar 6-8 peratus sejak dilancarkan,” katanya.

Justeru sekiranya syarikat tempat anda berkhidmat belum lagi menawarkan kemudahan potongan gaji oleh ASNB ini, apa kata anda memohon majikan anda untuk berbuat demikian.

Dengan adanya kemudahan potongan gaji ini kelak, sudah pasti lebih mudah untuk anda melabur setiap bulan untuk membina tabungan kukuh demi masa depan anda dan keluarga.

Jadual menunjukkan jumlah tabung pendidikan anak-anak apabila mereka berusia 18 tahun sekiranya pelaburan dibuat ketika mereka berusia satu tahun, 7 tahun atau 13 tahun.

Jumlah pelaburan setiap bulan (RM)	Tempoh melabur (tahun) / Pelaburan Terkumpul (RM)		
	17 tahun	11 tahun	5 tahun
10	3,901	1,979	715
50	19,506	9,899	3,579
100	39,012	19,798	7,159
150	58,518	29,698	10,738
200	78,025	39,597	14,318

Pelaburan dibuat dalam instrumen pelaburan yang memberi pulangan purata 7 peratus setahun, modal pelaburan tidak dikeluarkan dan agihan pendapatan tahunan dilaburkan semula.